MAIWP cari jalan selesai masalah keselamatan gelandangan

Kuala Lumpur: Isu keselamatan golongan gelandangan antara perkara dititikberatkan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) bagi mengelakkan insiden tidak diingini berlaku kepada golongan itu.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) Datuk Dr Mohd Na'im Mokhtar berkata, pihaknya sedia maklum dengan beberapa insiden terhadap golongan gelandangan seperti penemuan mayat serta kes pukul dilaporkan baru-baru ini.

"Apa yang mereka perlukan adalah tempat berlindung, Mereka terdedah kepada pelbagai karenah selain isu seperti gelandangan uzur.

"Sebagai manusia biasa, mereka mungkin ada buat silap seperti terambil barangan orang lain. Ini menyebabkan ada yang marah sehingga memukul," katanya pada Program Jejak Gelandangan yang diadakan dengan kerjasama Pertubuhan Jejak Jalanan di Chow Kit di sini, semalam.

Mohd Na'im berkata, pihaknya meneliti permasalahan berkenaan dan berusaha mencari tempat perlindungan kepada golongan gelandangan.

"Kalau boleh, kita mahu cari tempat untuk mereka berteduh, berlindung dan duduk di rumah selesa.

"Selain itu, anak mereka juga rasa selamat dan dapat jaga kebersihan apabila duduk di rumah berbanding berada di jalanan.

"InsyaAllah isu keselamatan (golongan gelandangan) dapat diatasi dan pihak MAIWP sedang uruskan," katanya.

> "Apa yang mereka perlukan adalah tempat berlindung
> Mohd Na'im

Beliau berkata, pihaknya menerusi MAIWP bekerjasama dengan pelbagai agensi seperti Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) bagi membantu golongan gelandangan dan asnaf di ibu kota ini.

"Ada banyak kerjasama yang kita boleh buat dengan agensi ini termasuk dari segi peruntukan dan penyaluran bantuan kepada golongan terbabit.

"Pada asasnya, saya setuju MAIWP sebagai peneraju penyelarasan penyampaian sumbangan kepada golongan terkesan bagi mengelakkan berlaku pertindihan," katanya.